

Telekomunikasi perlu persaingan sihat — Mahathir

ALUR SETAR 18 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, industri telekomunikasi negara memerlukan persaingan yang sihat supaya mampu meningkatkan kejayaan serta memberi manfaat kepada kehidupan rakyat.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mengingatkan era persaingan yang diperlukan bukanlah untuk membunuh dan bermusuhan antara satu dengan lain sehingga semua pihak menjadi lemah.

Katanya, persaingan yang sihat tidak bermakna persaingan yang tidak terhad.

Namun demikian, tambahnya, industri yang dipenuhi syarikat-syarikat kecil sahaja tidak akan menolong perkembangan yang diperlukan dalam zaman gergasi ini.

Sehubungan dengan itu, beliau menggesa pihak-pihak yang terlibat dalam sektor itu menentukan halatuju ke arah mewujudkan suasana atau zaman persaingan sekiranya ingin melihat negara ini maju dan se-

tanding dengan negara-negara perindustrian terkemuka.

Persaingan juga, kata Perdana Menteri, boleh mempertingkatkan mutu dan teknologi industri telekomunikasi tetapi ia hanya boleh dicapai jika pesaing mempunyai cukup kekuatan dari segi kewangan dan tenaga manusia.

Dr. Mahathir berkata demikian pada majlis perletakan batu asas Menara Alur Setar berharga RM40 juta setinggi 165.5 meter, di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu termasuk Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff, Pengerusi Eksekutif Telekom Malaysia, Tan Sri Dr. Mohd. Rashdan Baba, Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid, Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Mohd. Tajul Rosli Ghazali dan ahli-ahli mesyuarat kerajaan negeri.

Perdana Menteri berkata, pembentukan era persaingan bukanlah untuk bermusuhan sehingga mengor-

bankan banyak tenaga dan kedudukan kewangan.

"Persaingan hanya memberi manfaat jika ia menghasilkan kecekapan dan mutu yang tinggi dan harga yang berpatutan," katanya.

Katanya, persaingan juga merupakan satu usaha untuk mempermudah urusan, menjurus atau mewujudkan pengkhususan yang

akhirnya akan dapat menangani setiap permasalahan dengan bijak dan sempurna.

Hasrat ini, kata Perdana Menteri tidak mungkin dapat dicapai dengan jayanya tanpa penglibatan secara menyeluruh.

Oleh itu setiap syarikat perlu membuat komitmen bagi menghasilkan keluar-

an yang terbaik dan mampu mengatasi pesaing-pesaing mereka, katanya.

Sebelum itu, Perdana Menteri berkata, sektor telekomunikasi negara perlu bergerak seiringan dengan pertemuan teknologi yang baru, canggih dan terkini sekiranya rakyat mahu melihat negara mencapai taraf negara yang maju.